

Kenaikan gaji yang lumayan

SESUNGGUHNYA, seperti yang dikatakan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir, kadar kenaikan gaji dan elaun kakitangan awam yang telah diluluskan oleh Kabinet adalah lumayan. Dan, jika angka-angka yang didapati setakat ini adalah benar, kebanyakan kakitangan awam di tingkatan tertinggi selepas ini tidak lagi boleh mengatakan bahawa pendapatan di sektor swasta adalah lebih baik dari pendapatan mereka. Kerana itu juga tidaklah lagi ada sebab mereka mesti bersungut kerananya, dan memberi perkhidmatan yang kurang licin daripada yang ditunjukkan oleh kakitangan sektor swasta yang setaraf dengan mereka.

Tetapi, seperti yang diakui oleh Datuk Sri Dr. Mahathir juga, kenaikan gaji dan tambahan elaun ini pasti tidak akan memuaskan hati semua kakitangan awam. Pertama, ternyata ia lebih melebarkan jurang pendapatan antara kumpulan-kumpulan. Mereka yang sekarang ini menerima nasib malang kerana dalam beberapa semakan gaji yang lepas mereka ditempatkan ke dalam kumpulan yang lebih rendah walaupun kelulusan dan bidang tugas menyamai kumpulan yang di atas mereka tentulah merasa lebih hampa lagi. Kerana itu sudah amat wajarlah perkara mereka ini, yang sudah pun di dalam pengetahuan Jabatan Perkhidmatan Awam, dikaji dan dibetulkan semula dengan segera.

Gaji baru kakitangan awam ini juga sudah memang sepatutnya menjadi panduan pihak swasta yang skim gaji kakitangannya kurang selaras dengan keadaan ekonomi sekarang mengkajinya semula. Apabila sudah diumumkan dengan rasmi nanti sudah pasti keresahan akan berlaku di kalangan sebilangan kakitangan sektor swasta. Jika majlikan-majlikan tidak bertindak sendiri terlebih dahulu, mungkin, pula akan berlaku sedikit sebanyak persengketaan perusahaan yang sudah pasti menjejaskan daya pengeluaran. Dalam keadaan ekonomi sekarang tentulah keadaan ini amat tidak diingini.

Bagaimanapun kenaikan gaji demikian banyak mempunyai kesan buruknya juga. Kenaikan harga, sekurang-kurangnya bagi barang dan perkhidmatan yang tidak termasuk ke dalam senarai barang-barang perlu, nescaya akan berlaku. Kerajaan memang berusaha mencegah kenaikan yang melampau, tetapi tindakan dari orang ramai sendiri, dalam keadaan sekarang ialah kakitangan Kerajaan, adalah perlu. Jika dengan tambahan pendapatan yang lumayan itu mereka mulai berbelanja lebih daripada biasa, kenaikan harga itu pasti akan berlaku.

Ketika mengucapkan tahniah kepada seluruh kakitangan Kerajaan kerana tuah mereka yang lebih baik itu, kita juga tentulah berharap bahawa mereka membalasnya dengan mutu perkhidmatan serta layanan terhadap rakyat yang lebih baik. Amatlah tidak wajar jika selepas kenaikan gaji demikian mutu perkhidmatan dan layanan mereka terus tertinggal di tempat lama.